



Sistem perolehan dilaksanakan dengan lebih profesional - Perdana Menteri

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Januari 17, 2023 @ 11:39am
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu sistem perolehan dilaksanakan dengan lebih profesional, tanpa campur tangan politik atau kepentingan peniaga.

Memberi contoh perolehan membabitkan Kementerian Pertahanan, katanya, beliau sudah berbincang dengan pihak terbabit untuk mereka menentukan kaedah pembelian senjata yang lebih profesional.

"Biar urusan berkenaan untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Darat bertanggungjawab untuk mencari barangan (peralatan) terbaik dan berunding antara kerajaan tanpa campur tangan dari politik atau kepentingan-kepentingan peniaga.

"Berdasarkan pengalaman saya, isu mengenai banjir, senjata, kalau ini diserahkan kepada yang upaya, kita (dapat) kurangkan.

"Apa akibatnya? Kita alami kebocoran tinggi. Belum dua bulan memasuki Kementerian Kewangan, saya kenal pasti ada RM3 billion, RM4 billion boleh diselamatkan, bocor kepada parti dan tokoh politik," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Dialog Belanjawan 2023, di Kementerian Kewangan, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.